

# ELAUN BAHASA KEPADA JURUBAHASA DI MAHKAMAH PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12/2002

## SIAPA YANG BOLEH MEMOHON?

- Jurubahasa yang menjalankan tugas sebagai Jurubahasa di Mahkamah.
- Mahkamah: termasuklah Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Syariah, Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Buruh dan Mahkamah Berkuasa Tempatan.

## JENIS BAHASA

- Bahasa/loghat selain daripada bahasa/loghat yang disyaratkan untuk perlantikan kepada skim perkhidmatan.

## SYARAT LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN

- Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- Mempunyai prestasi yang baik.
- Tambahan bahasa/loghat yang dipohon adalah perlu dan berguna dalam kerja harian sebagai Jurubahasa.
- Permohonan menduduki peperiksaan dibuat melalui Ketua Jabatan.

## PENGUMPULAN ELAUN BAHASA

- Hanya boleh mengumpul 3 Elaun Bahasa Berpencen.
- Jika terdapat keperluan tugas untuk mengambil peperiksaan lebih daripada 3 bahasa/loghat dan lulus peperiksaan tersebut maka pembayaran elaun bahasa/loghat tersebut adalah bertaraf tidak berpencen.

## TARIKH PEMBAYARAN

- Bermula daripada bulan berikutnya keputusan peperiksaan dikeluarkan dengan syarat telah lulus keseluruhan peperiksaan.

## PEMBERHENTIAN BAYARAN ELAUN BAHASA

- Gagal mengekalkan kecekapan penguatkuasaan bahasa/loghat.
- Boleh menduduki semula peperiksaan dalam bahasa/loghat yang berkenaan.
- Kegagalan dalam peperiksaan semula tersebut akan menyebabkan pembayaran elaun bahasa/loghat tersebut dihentikan sehingga Jurubahasa tersebut lulus semula peperiksaan.

## PENUKARAN SKIM PERKHIDMATAN

- Elaun Bahasa Berpencen akan diambilkira sebagai tambahan kepada gaji hakiki di dalam skim perkhidmatan baru.

## PEPERIKSAAN YANG TELAH DIJALANKAN

- Seksyen Peperiksaan telah melaksanakan Peperiksaan Bahasa Inggeris (Khas) dan di dalam perancangan untuk melaksanakan Peperiksaan Bahasa Melayu.

***Untuk maklumat lanjut, sila rujuk PP 12/2002.***

*Oleh: Seksyen Peperiksaan, Bahagian Pengurusan,  
Mahkamah Persekutuan, Istana Kehakiman.*